

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI**  
**KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS PERASMIAN HE & SHE COFFEE 2023**

2 Oktober 2023 (Isnin) | 4.00 Petang | Perpustakaan Laman Hikmah

اوینیزرسیٽی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima Kasih Puan Pengacara Majlis

## **SALUTASI**

**Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

**Pn. Siti Saluwa binti Jamal**

Ketua Pustakawan, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

**Pegawai-pegawai Kanan Universiti**

**Dekan-Dekan Fakulti**


**Dr. Isma Addi bin Jumbri**

Yang Berusaha Pengarah Pusat Pembangunan Perusahaan dan  
Teknousahawan (CREATE), HEPA

**En. Zulkiflee bin Yusof**

Yang Berusaha Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas He & She Coffee

Para pelajar dan warga UTeM yang dikasihi sekalian



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melaka ku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia

Salam UTeM ku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurniaNya, kita diberi kesempatan pada petang ini untuk berhimpun dalam **Majlis Perasmian He & She Coffee** di Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), UTeM.

2. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Puan Siti Saluwa, Ketua Pustakawan dan Dr. Isma Addi, Pengarah CREATE, HEPA yang berjaya merealisasikan He & She Coffee di PLH dan seterusnya menjadikan bilangan program ‘*job on campus*’ semakin bertambah .

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada Encik Zulkiflee bin Yusof selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas He & She Coffee kerana berminat untuk membuka ‘*outlet*’ pertama di Melaka khususnya di UTeM dan seterusnya komited dalam menyokong kepada objektif PLH dan CREATE, HEPA

dan seterusnya membudayakan nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar di UTeM.

4. Setelah sekian lama, kini PLH mempunyai satu lagi tarikan baharu kepada warga UTeM iaitu sebuah kafe yang menjadi kegemaran dan trend kepada generasi sekarang. Kewujudan He & She Coffee adalah sangat relevan ketika ini sebagai '*lifestyle coffee shop*' di PLH kerana sebahagian besar pelajar menghabiskan lebih banyak masa untuk mengulangkaji, belajar berkumpulan serta membuat rujukan di sini. Sehubungan itu, He & She Coffee diharap dapat memberi impak kepada suasana kampus yang lebih kondusif dengan pelbagai pilihan makanan dan minuman yang enak lagi digemari oleh generasi masa kini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

5. Seperti mana yang kita semua dapat lihat di sini; dan merasakan sendiri '*vibes*' serta dekorasi kafe ala '*hipster*' dan santai yang amat bertepatan sekali dengan slogan He & She Coffee iaitu "Precious moment in a cup".

## **Tuan/puan hadirin sekalian**

6. Kewujudan He & She Coffee ini bersifat serampang dua mata yang mana sejajar dalam menyokong Pelan Strategik UTeM 2023-2025 di bawah Teras Strategik 3: Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan dan Teras Strategik 4: Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti.

7. Untuk makluman hadirin sekalian, He & She Coffee ini juga merealisasikan satu lagi inisiatif proaktif CREATE, HEPA di bawah program P.E.K.A@ CREATE: '*Learn & Earn*' yang merupakan platform '*job on campus*' di CREATE di mana para pelajar berpeluang bekerja dan mendapatkan pendapatan tambahan sewaktu belajar di dalam kampus dan seterusnya menimba pengalaman dalam menjalankan aktiviti perniagaan melalui program keusahawanan bersama He & She Coffee.

8. Inisiatif ini juga turut menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) SDG 8 – Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi serta SDG 17 – Rakan Kerjasama Untuk Matlamat.

## Hadirin sekalian

9. Untuk makluman, program ‘Learn & Earn’ ini merupakan kerjasama di antara CREATE, HEPA dan He & She Coffee Sdn. Bhd. yang bakal memeterai Memorandum of Understanding (MOU) sebentar nanti serta mendapat sokongan sepenuhnya daripada PLH.



10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan warga UTeM untuk sering mengunjungi He & She Coffee di PLH. Justeru itu, sukacitanya saya memohon hadirin yang ada pada petang ini untuk turut sama menyampaikan kepada pelajar dan staf UTeM yang lain untuk berkunjung ke He & She Coffee

sebagai sokongan bagi melestarikan ekosistem universiti yang semakin meriah kini.

11. Akhir sekali lagi, tahniah dan syabas kepada PLH dan CREATE, HEPA dengan kolaborasi yang sangat baik ini dan dijangka mampu melahirkan lebih ramai pelajar keusahawanan serta menyediakan kemudahan yang kondusif untuk kesejahteraan kampus yang lestari.

12. Dengan lafaz Bismillahhiramannirahim, saya dengan ini merasmikan He & She Coffee di Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM dan melancarkan Program “Learn & Earn” anjuran CREATE, HEPA.

Sekian, Terima kasih.

Wabillahhitaufik Walhidayah Wassalammualaikum WarahmatullahiWabarakatuh.